

Boikot pilihan raya sandiwara Pas, Keadilan

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Tindakan Pas dan Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) untuk memboikot pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Batu Talam pada 28 Januari ini, dilihat sebagai satu sandiwara.

Kalangan pemimpin UMNO juga menyifatkan tindakan kedua-dua parti pembangkang itu satu gimik politik semata-mata.

Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** berkata, tindakan kedua-dua parti itu memboikot pilihan raya kecil tersebut kerana parti pembangkang berkenaan takut untuk menghadapi kekalahan.

"Mereka memberi alasan kononnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak telus. Saya berpendapat, orang bila kecewa dia akan sentiasa mencari alasan," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan Pas dan Keadilan mengambil keputusan memulakan pilihan raya kecil DUN kawasan Batu Talam pada 28 Januari ini.

Timbalan Presiden Pas, Nasharudin Mat Isa mendakwa tindakan itu

Mereka memberi alasan kononnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak telus

diambil kerana terdapat enam kepincangan dalam sistem pilihan raya dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sehingga memaksa dua parti berkenaan memulakan pilihan raya tersebut.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Mustapa Mohamed** berkata, tindakan parti-parti pembangkang itu menunjukkan bahawa mereka akan kalah jika bertanding.

Menurutnya, DUN Batu Talam merupakan kubu kuat Barisan Nasional (BN) dan membuktikan bahawa rakyat memberi kepercayaan penuh kepada kepimpinan BN.

Ketua Pergerakan Puteri UMNO, **Datuk Noraini Ahmad** pula berkata, UMNO tidak akan termakan dengan taktik yang dimainkan oleh Pas dan Keadilan.

Beliau menyifatkan keputusan pembangkang itu sebagai muslihat dan sikap yang tidak jujur mereka untuk

mengaburi mata jentera BN supaya tidak bekerja keras.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, **Datuk Seri Idris Jusoh** menyifatkan Pas sudah tidak mempunyai 'modal' untuk menafikan kejayaan BN apabila mengambil keputusan memboikot pilihan raya ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, **Datuk Seri Annuar Musa** pula berkata, jika sistem pilihan raya dan SPR yang didakwa pincang dijadikan alasan, mengapa dalam pilihan raya kecil di Pengkalan Pasir mereka berhempas pulas untuk menentang BN.

Katanya, Pas dan Keadilan sebenarnya kini dalam keadaan terumbang-ambing ketika jentera UMNO dan BN telah bersedia untuk berkempen pertahankan kerusi.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis, **Datuk Seri Shahidan**

UM-12/1/2007

MOHD. ALI RUSTAM
Naib Presiden UMNO

Kassim, menyifatkan tindakan kedua-dua parti itu sebagai keputusan yang tidak patut dibuat.

"Alasan yang diberi juga secara umum seolah-olah mereka juga mahu memboikot pilihan raya umum. Saya anggap tindakan mereka itu tidak tepat langsung dan tidak demokratik," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, **Datuk Seri Mohamad Hasan** berkata, Pas dan Keadilan sudah tidak yakin dengan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

"Kalah menang adat pertandingan, tetapi kalau mereka tahu tak ada peluang untuk menang dan jadikan isu-isu sampingan untuk memboikot pilihan raya, itu tak tahu lah saya," katanya.

Ketua Penerangan UMNO Bahagian Raub, **Abdul Rashid Mohamed** berpendapat, kedua-dua parti berkenaan sebenarnya menyedari hakikat peluang mereka untuk menang amat tipis dan mahu mengelak memberikan gambaran awal tentang kekuatan mereka pada pilihan raya umum akan datang.